

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**HUBUNGAN KEHIDUPAN
BERAGAMA DENGAN KEPUASAN
KEHIDUPAN DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DAERAH
MANJUNG**

NUR ATHIRA HANIS BINTI ISHAK

Tesis yang dikemukakan bagi memenuhi keperluan
untuk Ijazah
Sarjana
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Jun 2023

ABSTRAK

Manusia bebas untuk memilih kehidupan yang dimahukan tetapi, sekiranya pilihan yang dibuat bertentangan dengan Islam akan menyebabkan kecelaruan kepada manusia tersebut. Justeru, melayari kehidupan dengan beragama adalah kunci utama yang akan memberi kebahagiaan sekaligus kepuasan dalam kehidupan. Namun, masih ramai yang membelakangkan agama dan mengejar dunia semata mata. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan kehidupan beragama dengan kepuasan kehidupan dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan Daerah Manjung. Objektif khusus kajian adalah untuk mengenal pasti tahap kehidupan beragama dan kepuasan kehidupan pelajar sekolah menengah kebangsaan Daerah Manjung. Selain itu, objektif kajian adalah untuk melihat tahap perbezaan kehidupan beragama dan kepuasan kehidupan yang signifikan mengikut jantina pelajar sekolah menengah kebangsaan daerah Manjung. Skop kajian hanya melibatkan kehidupan beragama dan kepuasan kehidupan yang bersandarkan kepada Teori Kebahagiaan Al- Ghazali sahaja. Kajian dijalankan terhadap 366 orang pelajar tingkatan 4 sekolah menengah kebangsaan Daerah Manjung yang beragama Islam. Kajian melibatkan pengumpulan data daripada perpustakaan, laman web antarabangsa, rujukan ilmiah serta pengedaran borang soal selidik. Reka bentuk kajian ialah kuantitatif dengan pendekatan deskriptif dan menggunakan pensampelan rawak strata. Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik yang telah disemak oleh sembilan orang pakar kemudian telah dibaiki dan dihantar semula kepada beberapa panel pakar untuk semakan kali kedua sebelum dijalankan kajian rintis. Hasil dapatan analisis menunjukkan bahawa, tidak terdapat perbezaan secara signifikan tahap kehidupan beragama bagi pelajar lelaki dan perempuan, manakala bagi tahap kepuasan kehidupan pelajar lelaki dan perempuan, juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Kajian ini membuktikan terdapat hubungan antara kehidupan beragama dengan kepuasan kehidupan. Implikasi dan cadangan dikemukakan kepada kementerian pendidikan dari sudut strategi penambahan silibus terhadap pendekatan penyucian jiwa dan rohani supaya dapat menambah kesedaran dan kefahaman yang lebih mendalam dalam diri pelajar seawal yang mungkin tanpa sebarang pengecualian.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Nabi Muhammad SAW dan ahli keluarganya, para sahabat serta seluruh para muslimin dan muslimat. Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan pemilik semesta alam, dengan limpah dan kurniaNya yang telah mengizinkan saya menyiapkan tugas dengan sebaik yang mungkin. Pelbagai ujian, dugaan dan cabaran dalam perjalanan untuk menyempurnakan kajian sarjana saya ini. Namun, atas dasar tanggungjawab dan amanah ilmu, segala cabaran dan dugaan sedaya upaya diharungi dengan doa agar diberikan kekuatan berterusan daripada Allah SWT.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Ahmad Rozaini Ali Hasan, selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar, dorongan, nasihat dan semangat yang berterusan. Setinggi tinggi ucapan terima kasih juga buat Ustazah Nurul Khairiah Binti Khalid selaku penyelia kedua saya yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga sehabis baik dalam membantu saya menyiapkan tesis kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan buat semua pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UITM yang telah banyak membantu dalam memudahkan pelbagai urusan saya berkaitan dengan tugas yang dilaksanakan.

Setulus kasih dan cinta buat ibu dan ayah

serta keluarga yang sentiasa di sisi menjadi pembakar semangat buat diri ini untuk terus melangkah. Ucapan terima kasih juga buat pihak kementerian pendidikan, pihak sekolah dan para responden yang banyak memudahkan urusan saya dalam menyiapkan penulisan kajian ini serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bertungkus lumus membantu saya. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala kebaikan kalian. Mohon untuk terus mendoakan kejayaan saya.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN EJAAN	xiii
BAB SATU: PENDAHULUAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Jurang Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Soalan Kajian	11
1.7 Hipotesis Kajian	12
1.8 Signifikan Kajian	12
1.9 Skop Dan Limitasi Kajian	13
1.10 Defmisi Operasional	14
1.11 Kerangka Teoretikal	15
1.12 Kerangka Konseptual	17
1.13 Penutup	18
BAB DUA: ULASAN KEPUSTAKAAN	19
2.1 Pendahuluan	19
2.2 Kehidupan Beragama (Pengetahuan Tentang Diri)	20
2.2.1 Matlamat Manusia Sebagai Hamba Allah SWT	20

2.2.2	Komitmen Yang Diperlukan Dalam Beragama	22
2.2.3	Manusia Sebagai Khalifah Di Muka Bumi	25
2.3	Pengetahuan Tentang Tuhan	28
2.3.1	Kekuasaan Tanda Kebesaran Allah Swt	28
2.3.2	Akidah Umat Islam Yang Benar	31
2.3.3	Allah Swt Sentiasa Bersama-Sama Dengan Hamba-Nya	34
2.4	Pengetahuan Tentang Dunia	37
2.4.1	Cara Kehidupan Yang Benar	37
2.4.2	Amalan-Amalan Yang Dilarang Oleh Allah SWT	40
2.5	Pengetahuan Tentang Akhirat	42
2.5.1	Kewujudan Perkara Ghaib Itu Benar	42
2.5.2	Amalan Mulia Yang Dicintai Allah SWT	45
2.6	Kehidupan Beragama (Cinta Kepada Allah SWT)	48
2.6.1	Kekuatan Iman Yang Diredai	48
2.6.2	Kekuatan Amal Yang Diredai	50
2.6.3	Kekuatan Jiwa Yang Diperlukan	53
2.7	Kajian-Kajian Lepas	56
2.7.1	Kajian Lepas Berkaitan Dengan Kehidupan Beragama	56
2.7.2	Kajian Lepas Berkaitan Dengan Kepuasan Kehidupan	57
2.8	Penutup	61
BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN		62
3.1	Pendahuluan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	62
3.3	Lokasi Kajian	63
3.4	Populasi Kajian, Sampel Dan Kaedah Pensampelan	63
3.4.1	Populasi Kajian	63
3.4.2	Sampel	64
3.4.3	Kaedah Pensampelan	65
3.5	Instrumen Kajian	66
3.6	Kesahan Instrumen Kajian	67
3.7	Kajian Rintis	75